

# RINGKASAN KESELURUHAN


## LKAN 2021 SIRI 1 PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SECARA INFOGRAFIK

### PENGURUSAN SYARIKAT TUJUAN KHAS (SPV)

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)




#### Pencapaian Output



- 23 SPV (92%) laksana aktiviti selaras dengan kelulusan
- 2 SPV (8%) tidak laksana aktiviti asal yang diluluskan

#### Pencapaian Fungsi Khusus



- 5 SPV (20%) berjaya mencapai fungsi khusus
- 18 SPV (72%) sedang melaksanakan fungsi khusus
- 2 SPV (8%) telah berubah hala tuju fungsi khusus

#### Sampel: Pengurusan Aktiviti 5 SPV

DanaInfra Nasional Berhad

##### Kategori Penerbitan Sukuk

RM73.239 bilion dana pembiayaan disalurkan kepada pemilik projek bagi membiayai 82.5% kos projek

Pembinaan PFI Sdn. Bhd.

##### Kategori Pengurusan Pembiayaan

RM30 bilion dana pembiayaan PFI I dan PFI II disalurkan ke akaun amanah

Piramid Pertama Sdn. Bhd.

##### Kategori Pelaburan Strategik

Baki dana transaksi jual beli saham berbeza antara rekod syarikat dengan baki hutang dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd.

##### Kategori Pengambilalihan

Tidak melaksanakan fungsi khusus asal sebaliknya telah bertukar kepada fungsi lain

Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.

##### Kategori Skim Khusus

Pinjaman RM2.470 bilion belum dihapus kira

### 3 Syor Audit

2 syarikat mencapai objektif | 2 syarikat tadbir urus korporat memuaskan | 1 syarikat kedudukan kewangan kukuh



**YHM**  
menjalankan program pendidikan dan kesedaran gaya hidup hijau serta mempromosi penggunaan teknologi hijau

- i. **5 daripada 6** sasaran KPI Pengumpulan Dana **tidak dicapai**
- ii. **4 daripada 12** sasaran KPI Perbelanjaan Operasi **tidak dicapai**
- iii. KPI Projek **tiada sasaran** output
- iv. Penilaian keseluruhan terhadap keberhasilan program **tidak dilaksanakan**
- v. Program Green Guardian hanya beroperasi 16 bulan. Perpindahan tapak program menyebabkan pengubahsuaian pusat program, peralatan dan kelengkapan bernilai **RM0.99 juta tidak dimanfaatkan**

**Yayasan Taqwa**  
mengagihkan peruntukan MAIWP kepada individu dan *Non-Profit Organisation* luar Wilayah Persekutuan berdasarkan Teras Dakwah, Kebajikan serta Pendidikan

- i. 47 sasaran KPI Keberhasilan Utama : 13 KPI telah dicapai; **9 KPI tidak dicapai; 13 KPI tidak dilaksanakan;** dan **12 KPI tidak dapat diukur pencapaiannya**
- ii. **Ketidakpatuhan kepada SOP** - bantuan diberikan kepada **7 Non-Profit Organisation** yang tidak mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan bantuan terdahulu
- iii. Pelan Strategik tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pemegang Amanah
- iv. Hanya satu pengauditan oleh UAD, MAIWP dilaksanakan bagi tahun 2019 hingga Mac 2022

### SJPP

mengurus, mentadbir dan memantau skim jaminan pembiayaan bagi pihak Kerajaan

- i. **97.4% - 100%** pencapaian KPI tahun 2019 hingga 2021
- ii. **38.2%** sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana kepada KDNK negara (tahun 2020)
- iii. **2,908 (12.4%)** permohonan jaminan pembiayaan lewat diproses akibat peningkatan drastik bilangan permohonan skim semasa pandemik Covid-19
- iv. **69 (34.3%)** permohonan tuntutan jaminan lewat diproses semasa pandemik Covid-19

### 12 Syor Audit



## PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan. LKAN ini melaporkan hasil pengauditan terhadap Pengurusan Syarikat Tujuan Khas (SPV) di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan hasil pengauditan terhadap tiga syarikat Kerajaan Persekutuan.
2. Secara keseluruhannya, bagi Pengurusan Syarikat Tujuan Khas (SPV) setakat 31 Disember 2021, lima SPV (20%) telah berjaya mencapai fungsi khususnya manakala 18 SPV (72%) sedang melaksanakan fungsi khususnya. Dua SPV (8%) pula telah berubah hala tuju fungsi khususnya. Bagi menilai pengurusan aktiviti SPV berdasarkan fungsi, lima SPV telah dipilih mengikut kategori fungsi iaitu DanaInfra Nasional Berhad (penerbitan sukuk), Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (pengurusan pembiayaan), Pyramid Pertama Sdn. Bhd. (pelaburan strategik), Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd. (pengambilalihan) dan Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (skim khusus). Ringkasan penemuan utama bagi lima SPV berkenaan adalah seperti berikut:

### **2.1. DanaInfra Nasional Berhad**

- a. Kategori penerbitan sukuk.
- b. Penemuan utama Audit: Sejumlah RM73.239 bilion dana pembiayaan disalurkan kepada pemilik projek bagi membiayai 82.5% kos projek.

### **2.2. Pembinaan PFI Sdn. Bhd.**

- a. Kategori pengurusan pembiayaan.
- b. Penemuan utama Audit: Keseluruhan dana pembiayaan Private Finance Initiative (PFI) I dan PFI II berjumlah RM30 bilion telah disalurkan ke akaun amanah.

### **2.3. Pyramid Pertama Sdn. Bhd.**

- a. Kategori pelaburan strategik.
- b. Penemuan utama Audit: Baki dana transaksi jual beli saham berbeza antara rekod syarikat dengan baki hutang dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

## **2.4. Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd.**

- a. Aktiviti pengambilalihan.
- b. Penemuan utama Audit: Tidak melaksanakan fungsi khusus asal sebaliknya telah bertukar kepada fungsi lain.

## **2.5. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.**

- a. Aktiviti skim khusus.
- b. Penemuan utama Audit: Pinjaman RM2.470 bilion belum dihapus kira.
- 3. Bagi tiga syarikat Kerajaan yang diaudit pula, didapati dua syarikat mencapai objektif penubuhan syarikat; dua syarikat menunjukkan tahap amalan tadbir urus korporat yang memuaskan; dan satu syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Jumlah keseluruhan peruntukan Kerajaan yang diterima oleh tiga syarikat yang diaudit ialah RM81.127 bilion. Ringkasan penemuan utama bagi tiga syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

### **3.1. Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP)**

- a. Peruntukan Kerajaan: RM81 bilion (tahun 2009 hingga 2022).
- b. Aktiviti utama: Mengurus, mentadbir dan memantau skim jaminan pembiayaan bagi pihak Kerajaan.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah kukuh.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. 97.4% - 100% pencapaian KPI tahun 2019 hingga 2021.
  - ii. 38.2% sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana kepada KDNK negara (tahun 2020).
  - iii. 2,908 (12.4%) permohonan jaminan pembiayaan lewat diproses akibat peningkatan drastik bilangan permohonan skim semasa pandemik Covid-19.
  - iv. 69 (34.3%) permohonan tuntutan jaminan lewat diproses semasa pandemik Covid-19.

### **3.2. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa)**

- a. Peruntukan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): RM74 juta (tahun 2019 hingga 2021).
- b. Aktiviti utama: Mengagihkan peruntukan MAIWP kepada individu dan *Non-Profit Organisation* di luar Wilayah Persekutuan berdasarkan Teras Dakwah, Kebajikan serta Pendidikan.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tercapai; tadbir urus korporat pada tahap kurang memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. 47 sasaran KPI Keberhasilan Utama: 13 KPI telah dicapai; sembilan KPI tidak dicapai; 13 KPI tidak dilaksanakan; dan 12 KPI tidak dapat diukur pencapaiannya.
  - ii. Ketidakpatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) di mana bantuan diberikan kepada tujuh *Non-Profit Organisation* yang tidak mengemukakan Laporan Program dan Perbelanjaan bantuan terdahulu.
  - iii. Pelan Strategik tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pemegang Amanah.
  - iv. Hanya satu pengauditan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam (UAD), MAIWP bagi tahun 2019 hingga bulan Mac 2022.

### **3.3. Yayasan Hijau Malaysia (YHM)**

- a. Peruntukan Kerajaan: RM52.62 juta (tahun 2013 hingga 2022).
- b. Aktiviti utama: Menjalankan program pendidikan dan kesedaran gaya hidup hijau serta mempromosi penggunaan teknologi hijau.
- c. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat masih belum tercapai; tadbir urus korporat pada tahap memuaskan; dan kedudukan kewangan adalah stabil.
- d. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:
  - i. Lima daripada enam sasaran KPI Pengumpulan Dana tidak dicapai.
  - ii. Empat daripada 12 sasaran KPI Perbelanjaan Operasi tidak dicapai.
  - iii. KPI Projek tiada sasaran output.
  - iv. Penilaian keseluruhan terhadap keberhasilan program tidak dilaksanakan.
  - v. Program Green Guardian hanya beroperasi selama 16 bulan. Perpindahan tapak program menyebabkan pengubahsuaian pusat program, peralatan dan kelengkapan bernilai RM0.99 juta tidak dimanfaatkan.

4. Sebanyak tiga syor Audit dikemukakan kepada Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan dan 12 syor Audit telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.